



SIRI AL-BAYANUL MUBIN
SYARAH RIYADUS SOLIHIN



Pesan-Pesan **SABAR**

شرح حديث رياض الصالحين

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbitkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk dalam apa-apa jua bentuk dan cara sekalipun tanpa mendapat keizinan daripada PUSTAKA PERMATA UMMAH SDN BHD

.....

**© PESAN-PESAN SABAR
SYARAH HADIS RIYADUS
SOLIHIN**

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

Cetakan Pertama, November 2020
Cetakan Kedua, Julai 2021
Cetakan Ketiga, Jun 2022

© Hak cipta terpelihara © Pustaka
Permata Ummah Sdn. Bhd.

ISBN 978-967-18366-7-5

Muka Taip Teks: Century Gothic
Saiz Muka Taip: 11

Diterbitkan dan diedarkan oleh:
Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.
No. 9108, Jalan Kerdas 1,
53100 Gombak, Kuala Lumpur
011-20907008
pustakapermataummah@gmail.com

Dicetak oleh:
Firdaus Press Sdn. Bhd.
26-28, Jalan PBS 14/4,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor
03-8940 5595



SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Ustaz Muhammad Khalil Abdul Ha
Tuan Mohd Syahir Che Sulaiman
Tuan Mohd Adram Musa

PENGARAH URUSAN

Abdul Malik Ab Razak

PENCURUS

Muhammad Afiq Awang Bakar

KETUA EDITOR

Muhammad Ikram Ab Rahman

JABATAN EDITOR

Maziah Hasan
Muhaimin Safaruddin

JABATAN ARKIB & PENYELIDIKAN

Tasneem Zainol

JABATAN PEMASARAN KREATIF

Nurul Afiqah Yusri

**JABATAN JUALAN & HUBUNGAN
PELANGGAN**

Muhammad Ikhwan Nasyriq Salahi

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM

Nur Hafizah Ibrahim

JABATAN PENTADBIRAN

Siti Nurul Afiqah Sazali




السلامة
والمودة
والتقوى

SIRI AL-BAYANUL MUBIN
SYARAH RIYADUS SOLIHIN



Pesan-Pesan SABAR

شرح حديث رياض الصالحين




PUSTAKA PERDANA



1013306

TUANKU GURU HAJI ABDUL HADI AWANG



ISI KANDUNGAN

KATA PENERBIT VI

MUQADDIMAH I

BAHAGIAN 1: MEMAHAMI HAKIKAT SABAR 6

Hakikat Sabar Dalam Kehidupan 7

Ujian Bagi Orang Yang Bersabar II

BAHAGIAN 2: PESAN-PESAN SABAR 21

Sabar ialah Cahaya 22

Sabar Dengan Pemberian Allah SWT 40

Sabar Dan Syukur Seorang Mukmin 48

Sabar Dalam Menghadapi Kematian 54

Sabar Dan Percaya Akan Janji Allah SWT 65

Sabar Dalam Menegakkan Kebenaran 76

Sabar Dan Pemaaf Rasulullah SAW III

Sabar Dalam Menghadapi Pelbagai Musibah II4

Sabar Dapat Menghapuskan Dosa II9

Sabar Membawa Kebaikan II22

Sabar Menghadapi Tekanan Hidup II26

Sabar Menanti Kemenangan II32

Sabar Menahan Marah	142
Sabar Dan Berlindung Daripada Syaitan	156
Sabar Dan Kelebihan Menahan Kemarahan	159
Sabar Penawar Bagi Kemarahan	161
Sabar Sebagai Penghapus Dosa	163
Sabar Dalam Mendepani Orang Yang Jahil	167
Sabar Terhadap Golongan Yang Mementingkan Diri Sendiri	174
Sabar Daripada Mengejar Pangkat Dunia	178
Sabar Dalam Menghadapi Musuh	185

PENUTUP **195**

BIODATA PENULIS **199**

KATA PENERBIT

Segala puji dan puja hanya selayaknya bagi Allah 'Azza wa Jalla, Tuhan Pentadbir sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW yang mulia, juga ke atas ahli keluarga Baginda, para sahabat, serta sesiapa sahaja yang mengikuti jejak langkah Baginda hingga hari perhitungan.

Alhamdulillah, buat pertama kalinya, Pustaka Permata Ummah (PPU) berjaya menerbitkan karya terbaharu Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang yang bertemakan syarahan hadis. Naskhah ini merupakan huraian oleh penulis dalam sesi Kuliah Dhuha pada setiap hari Jumaat di Masjid Rusila, Marang. Kuliah tersebut telah disampaikan sekitar akhir tahun 2013 dan pada awal tahun 2014. Huraian hadis-hadis bab sabar yang dinukilkan ini adalah daripada kitab *Riyadhus Solihin* susunan al-Imam Yahya bin Sharaf al-Nawawi RHM.

Segala perincian dan penjelasan yang dilontarkan menerusi penulisan kali ini diungkapkan dalam bahasa yang sangat padat dan amat mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat. Buku ini disusun dengan mengemukakan inti sari daripada setiap hadis, termasuk pengajaran yang boleh diambil sebagai iktibar.


Selain itu, pihak penerbit berusaha untuk menghidangkan *sabab wurud* (sebab penyampaian) hadis dan kisah-kisah yang mempunyai pengajaran yang sesuai dengan setiap hadis. Penulis menjadikan huraian hadis lebih bersifat semasa dan lebih mudah difahami para pembaca.



Justeru, besarlah harapan kami agar karya kali ini akan menambahkan lagi penghayatan sabar yang sebenar dalam kehidupan seharian. Sekali gus, menjadi panduan bagi menghiasi diri kita dengan akhlak yang mulia dan sifat terpuji seorang yang beriman, lebih-lebih lagi dalam mengharungi hidup pada akhir zaman yang penuh dengan ujian dan fitnah.

Selamat membaca!

Pustaka Permata Ummah



"Ujian merupakan tanda kecintaan Allah SWT kepada hamba-Nya. Sehingga dengan hal itu akan mengangkat darjatnya, meninggikan martabatnya dan menghapuskan dosanya."

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

MUQADDIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي أرسل رسوله بالهدى ودين الحق ليظهره على الدين كله وكفى بالله شهيدا. والصلاة والسلام على حبيبنا وشفيعنا وقدوتنا محمد الرحمة المهدي والنعمة المسدي، وعلى آله وصحبه ومن تبعه ونصره ومن والاه. أما بعد:

Sewaktu meneruskan Kuliah Dhuha pada setiap hari Jumaat di Masjid Rusila, Marang, saya telah memilih untuk mengajar kitab *Riyadus Solihin* karangan Imam al-Nawawi RH.

Kebetulan kitab ini merupakan salah satu kitab warisan ayah saya yang sudah lama dicetak. Kemudian, saya dihadihkan senaskhah kitab lagi oleh Syeikh 'Umar Taha RH, kawan ayah saya dan seorang ulama' di Makkah yang pernah menjadi qadhi di Kemaman, Terengganu sekitar tahun 1940-an. Ketika itu, beliau membawa kitab *Riyadus Solihin* untuk dihadihkan kepada saya.

Selain itu, saya sekali lagi dihadihkan kitab dengan judul yang sama oleh Syeikh Muhammad 'Ali al-Sabuni RH, seorang ulama' Syria yang terkenal. Kitab itu dihadihkan kepada saya ketika beliau datang berkunjung ke Pejabat Agung PAS, bersama beberapa kitab hadis lain yang terkandung dalamnya syarah dan *ta'liq* (komentar) beliau yang sangat saya hargai. Beliau sendiri menulis dan mencatat pada halaman kitab yang dihadihkan, ia menjadi satu hadiah yang sangat bermakna.

Saya memilih kitab ini untuk dijadikan bahan kuliah hadis bersempena ketokohan pengarang kitab, iaitu Imam al-Nawawi RH yang merupakan seorang ulama' mu'tabar yang diterima oleh semua ulama'.

Penerimaan terhadap kitab beliau tidak mengira sama ada ulama' salaf mahupun khalaf yang merangkumi semua mazhab; baik mazhab aqidah, mazhab fiqh hatta mazhab tasawuf.

Imam al-Nawawi RH meninggal dunia pada usia yang sangat muda, sekitar umur 40-an. Beliau telah menulis kitab yang sangat banyak dan penuh keberkatan. Beliau bukan sahaja seorang ahli dalam ilmu-ilmu yang ditulis, pada masa yang sama, beliau beramal dan berjuang dengan ilmu yang ada pada dirinya. Sikap beliau adalah berani menyuruh kepada perkara ma'ruf dan mencegah kemungkaran.

Kitab *Riyadus Solihin* ialah sebuah kitab yang sangat berkat dan ilmu yang terkandung dalamnya juga sangat berkat, ditulis oleh seorang ulama' yang meninggalkan keberkatan kepada umat Islam. Sehingga para ulama' Asya'irah, Maturidiyyah, Wahhabi dan Salafi menerima keilmuan Imam al-Nawawi RH.

Ini suatu perkara yang sangat menarik kerana karya beliau dibaca oleh semua aliran ulama'. Ulama' yang berselisihan pendapat membaca kitab Imam al-Nawawi RH, sama ada kitab fiqh mahupun kitab hadis yang dikarang khusus oleh beliau iaitu *Riyadus Solihin*.

Kitab *Riyadus Solihin* mengumpulkan hadis-hadis yang berkaitan dengan akhlak atau moral dan segala aspek yang lain. *Riyadus Solihin* bererti 'Kebun-kebun bagi Orang-orang yang Soleh.'

Oleh kerana hadis yang disusun dalam kitab ini tertalu banyak dan ia pun kitab yang tebal, maka saya mengajar dalam tempoh setahun lebih atau dua tahun di Masjid Rusila.



Bagi memudahkan ditimba manfaat oleh semua pihak, maka saya memetik bab-bab yang khusus dalam kitab ini, kemudian dihuraikan.

Sekiranya hendak dicatatkan semua perkara pasti kesuntukan masa, maka rakan penerbit iaitu Pustaka Permata Ummah menaqqalkan apa yang telah disebutkan dalam kuliah yang dirakam dalam kaset atau video. Kemudian, bahan tersebut ditulis semula dan disemak oleh saya dengan pembetulan ayat-ayat, daripada ayat percakapan menjadi tulisan untuk dimanfaatkan oleh seluruh lapisan umat Islam.

Hadis berfungsi mentafsirkan al-Quran al-Karim dan mentafsirkan hadis-hadis yang lain, dengan keseluruhan hadis dalam kitab ini merupakan hadis yang sahih atau hasan, hadis yang boleh dijadikan hujah. Jika terdapat hadis-hadis dhaif yang mendukungnya, ia termasuk dalam kategori *targhib* dan *tarhib*, menggalakkan untuk beramal. Ia dibenarkan oleh para ulama'.

Tiada hadis yang palsu dimuatkan. Jika hadis yang lemah, hanya lemah dari segi perawinya sahaja, bukan hadis tersebut. Walaupun terdapat hadis dhaif, namun ia disokong dengan hadis lain, maka hadis itu menjadi kuat dan sampingan.

Besar harapan saya agar hasil yang diterbitkan ini akan memberikan manfaat kepada para pembaca, termasuk mereka yang menyampaikan kuliah dan mendengar supaya menjadi ilmu yang memberikan manfaat.

Moga ilmu yang terkandung dalam karya kali ini dimanfaatkan oleh semua pihak untuk menjadi bekalan sebagai makanan roh dan akal. Agar kemudiannya, ia mengarahkan jasad untuk mengerjakan amal soleh yang menjadi bekalan di dunia hingga akhirat yang kekal abadi.

Mudah-mudahan, usaha ini diterima oleh Allah SWT dan mendapat ganjaran pahala buat diri saya, ibu bapa saya yang telah meninggal dunia dan rakan-rakan yang berkhidmat untuk menyempurnakan usaha yang murni ini. Saya berharap agar semua dikurniakan keikhlasan oleh Allah SWT.


Al-Faqir ila Allah,

ABDUL HADI AWANG

Masjid Rusila,

Marang, Terengganu Darul Iman.

1 Rabi'ul Akhir 1442 / 17 November 2020



“Seluruh kehidupan orang yang beriman itu baik dan dikurniakan pahala yang besar di sisi Allah SWT, ketika diberikan kesenangan mereka bersyukur dan apabila ditimpa kesusahan, mereka bersabar.”

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

1

**MEMAHAMI
HAKIKAT
SABAR**

HAKIKAT SABAR DALAM KEHIDUPAN

Sabar merupakan suatu perkara yang sangat ditekankan dalam Islam. Sabar bermaksud menahan diri daripada membuat sesuatu perkara yang tidak disukai dan menahan perasaan dalam menghadapi perkara yang menyakitkan. Secara asasnya, sabar boleh dibahagikan kepada tiga perkara:



Sabar dalam mengerjakan ketaatan dan menunaikan perintah Allah.

Contohnya ialah sabar dalam menunaikan solat, mengerjakan ibadat haji, berpuasa, bersedekah, berzikir dan sebagainya.



Sabar meninggalkan perkara yang haram.

Contohnya ialah sabar dalam meninggalkan perkara yang diharamkan dan melawan kehendak hawa nafsu seperti meninggalkan perbuatan maksiat. Secara fitrahnya, nafsu manusia sememangnya mempunyai keinginan terhadap perkara yang haram.



Sabar dalam menghadapi kesusahan dan kepayahan.

Contohnya kesusahan dalam menghadapi cabaran diri sendiri, keluarga dan masyarakat, sebagaimana cabaran yang dihadapi oleh para anbiya' seperti Nabi Nuh AS, Nabi Musa AS, Nabi Muhammad SAW dan nabi-nabi yang lain. Termasuklah juga bentuk kesusahan yang dilalui dengan kesakitan, kesedihan, kematian dan sebagainya.

Sabar juga boleh dibahagikan kepada dua bahagian berdasarkan firman Allah SWT:

Firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَصْبِرُوْا وَصَابِرُوْا وَرَابِطُوْا
وَاتَّقُوا اللّٰهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ ﴿٢٠٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kalian (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkeabajikan), dan kuatkanlah kesabaran kalian (lebih daripada kesabaran musuh di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertaqwalah kalian kepada Allah supaya kalian berjaya (mencapai kemenangan)."

Surah Ali 'Imran: 200

▶ **Pertama: Sabar terhadap perkara dalaman.**

Kategori sabar ini termasuklah ketika diri seseorang atau keluarga yang ditimpa dengan penyakit, kesusahan dan ujian hawa nafsu.

▶ **Kedua: Sabar terhadap perkara luaran.**

Bersabar ketika diancam dan menghadapi fitnah yang dibuat oleh para musuh yang melakukan pelbagai kejahatan seperti menganiayai keluarga, masyarakat dan kumpulan umat Islam. Selain itu, musuh juga menyakiti, mengganggu, mengkhianati, memfitnah, termasuklah menyekat hak yang sepatutnya diperoleh umat Islam.



Perbuatan sebegini dilakukan oleh musuh-musuh Islam yang ada kalanya mengakibatkan umat Islam dikurung dan disiksa di dalam penjara. Termasuklah apabila terpaksa berperang di medan perang sehingga mendapat kecederaan yang kadangkala membawa kepada kematian. Demikian itu sabar berada di medan perjuangan.

Pada masa yang sama, Allah SWT turut menyebutkan perkataan *ribat* (رباط) dalam ayat al-Quran di atas yang memberikan makna bertugas untuk menegakkan agama Allah SWT. Walaupun di mana-mana sahaja seseorang itu ditugaskan sama ada untuk menjaga pangkalan, memberikan bekalan, menyediakan kemudahan, mahupun berbagai-bagai tugas lain.

Hal ini termasuklah mereka yang duduk di masjid lalu berdoa agar Allah SWT memberikan kemenangan kepada perjuangan Islam. Itulah yang dimaksudkan dengan *ribat*. Setiap orang bertugas untuk memenangkan Islam sepertimana yang disebut dalam sebuah hadis Rasulullah SAW:


رِبَاطُ يَوْمٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا عَلَيْهَا، وَمَوْضِعٌ
سَوَاطِ أَحَدِكُمْ مِنَ الْجَنَّةِ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا عَلَيْهَا،
وَالرَّوْحَةُ يَرُوحُهَا الْعَبْدُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ الْغَدْوَةُ خَيْرٌ مِنَ
الدُّنْيَا وَمَا عَلَيْهَا.

"Berjaga sehari di jalan Allah lebih baik daripada dunia dan seisinya. Tempat cambuk seorang daripada kalian di syurga lebih baik daripada dunia dan seisinya. Dan, berangkat pada petang hari untuk berjihad di jalan Allah atau pada pagi hari lebih baik daripada dunia dan seisinya."

Riwayat al-Bukhari 2892 dan al-Tirmidhi 1664

Itulah kelebihan *ribat*. Hanya orang yang dipilih oleh Allah SWT sahaja yang boleh melaksanakan kewajipan ini. Kebanyakannya tidak bersedia, malah sekadar berdiam diri sahaja. Allah SWT memberikan kelebihan kepada mereka yang berjuang berbanding dengan mereka yang hanya duduk berdiam diri dengan kelebihan kurniaan darjat yang tinggi pada Hari Kiamat kelak.

Termasuk juga dalam pengertian *ribat* itu, menunggu waktu solat yang berikutnya setelah selesai menunaikan solat, sama ada berada di masjid ataupun di rumah kerana hati yang senang dan bahagia untuk beribadat.



UJIAN BAGI ORANG YANG BERSABAR

Firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ
وَالْأَنْفُسِ وَالشَّرَاتِ وَبَشِيرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kalian dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan daripada harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar."

Surah al-Baqarah: 155

Tuhan telah berfirman bahawa Dia pasti akan menguji orang-orang yang beriman dengan sesuatu (شيء), yakni beberapa jenis ujian:

▶ Pertama: Ketakutan (الْخَوْف)

Manusia diuji dengan ketakutan musuh yang datang menyerang, ketakutan terhadap ribut yang melanda, termasuklah ketakutan ketika berada di lautan mahupun di daratan. Begitu juga ketakutan kerana tiada keamanan.

▶ **Kedua: Kelaparan** ﴿أَجْوَع﴾

Sekiranya sedang berpuasa, maka akan diuji dengan kelaparan. Ada orang yang diuji dengan ketiadaan wang untuk membeli makanan. Sebahagian yang lain pula mempunyai wang, tetapi makanan pula tiada, atau barang-barang yang ingin dibeli itu terlalu mahal lalu menyebabkan mereka terpaksa berlapar.

Hari ini terdapat negara yang menghadapi ujian ini. Pada zaman dahulu, Nabi Muhammad SAW dan para sahabat juga pernah menghadapi ujian kelaparan yang sama.

▶ **Ketiga: Kekurangan Harta** ﴿نَقْصٌ مِّنَ الْأَمْوَالِ﴾

Misalnya, harta berkurangan, perniagaan menjadi rugi, dan ditipu oleh orang lain. Jika bercucuk tanam, tanaman pula dimakan oleh haiwan perosak atau tanaman tidak menjadi atau dimusnahkan oleh bencana alam seperti banjir, kemarau, kebakaran dan lain-lain.

Sekiranya turun ke laut, hasil laut tidak berjaya diperolehi. Adapun mereka yang mendapat hasil, tetapi hasil tersebut rosak atau terlepas pula. Selain itu, boleh difahami dengan kekurangan harta ialah barang-barang ada, tetapi tidak berharga.

▶ **Keempat: Kehilangan Jiwa** ﴿نَقْصٌ مِّنَ الْأَنْفُسِ﴾

Contohnya, orang yang dikasihi ataupun binatang ternakan yang dikasihi mati. Itulah ujian kehilangan nyawa.

▶ **Kelima: Kekurangan Hasil Tanaman** ﴿نَقْصٌ مِّنَ الثَّمَرَاتِ﴾

Mereka yang mempunyai tanaman diuji dengan buah-buahan yang tidak menjadi. Sekalipun sudah dibaja, tanaman tetap tidak menjadi juga. Andai buahnya menjadi, tetapi dicuri oleh orang lain atau dimakan oleh musuh dan perosak.



Walau bagaimanapun, ada berita gembira di sebalik semua yang berlaku ini kepada orang-orang yang sabar. Mereka yang diuji akan mendapat ganjaran pahala dan sememangnya tidak akan sia-sia. Manakala, orang yang mencuri dan mengakibatkan kekurangan itu pula mendapat dosa. Lain pula halnya dengan binatang kerana binatang sememangnya tidak berakal.

Sambungan ayat seterusnya, Allah SWT berfirman:

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ



"(laitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali."

Surah al-Baqarah: 156

Ayat ini menunjukkan bahawa, bagi setiap musibah yang menimpa, umat Islam disunatkan menyebut lafaz *tarji'* atau *istirja'* (إنا لله وإنا إليه راجعون). Sayangnya, sebahagian orang Melayu hanya menyebut ucapan ini apabila berlaku kematian sahaja.

Apabila berlaku musibah lain seperti kebakaran rumah, kerugian dalam perniagaan, dan kekurangan dalam hasil tanaman, lafaz ini dilupakan. Sedangkan, al-Quran mendidik jika ada sesuatu musibah menimpa, maka disunatkan menyebut lafaz *tarji'* tersebut.

Seterusnya, firman Allah SWT:

أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

"Mereka itu ialah orang-orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan daripada Tuhan mereka serta rahmat-Nya; dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk hidayah-Nya."

Surah al-Baqarah: 157

Ayat ini mengajar supaya manusia bersabar dalam setiap bencana yang menimpa diri, keluarga, harta, dan lain-lain. Kita juga disunatkan untuk mengembalikan segala-galanya kepada Allah SWT.

Sesungguhnya, setiap sesuatu ialah milik Allah SWT, termasuklah diri, manusia, dan harta. Manusia perlu menyedari bahawa semua yang berlaku di atas dunia ini ialah ujian daripada-Nya. Semua perkara ialah kepunyaan Allah SWT yang boleh memberi dan menariknya pada bila-bila masa sahaja.

Firman Allah SWT:

إِنَّمَا يُوَفَّى الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya, orang-orang yang bersabar sahajalah yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira."

Surah al-Zumar: 10

UJIAN BAGI ORANG YANG BERSABAR



Allah SWT menjanjikan orang yang sabar akan ganjaran pahala yang tidak terkira banyaknya. Firman-Nya:

وَلَمَن صَبَرَ وَغَفَرَ إِنَّ ذَٰلِكَ لَمِنَ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿٤٣﴾

"Dalam pada itu (ingatlah), orang yang bersabar dan memaafkan (kesalahan orang terhadapnya), sesungguhnya yang demikian itu adalah daripada perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya)."

Surah al-Shura: 43


Orang yang bersabar menghadapi ujian akan memaafkan orang yang bersalah, terutamanya apabila mempunyai kuasa. Apabila berkuasa, boleh sahaja orang yang bersalah itu dihukum, namun memilih untuk memaafkan.

Ketika Nabi Muhammad SAW memasuki Kota Makkah setelah berjaya membukanya, dalam peristiwa *Fathu Makkah*, penduduk Makkah menyerah kalah dan tidak melawan. Setelah perintah berkurung tamat, maka penduduk Makkah dibenarkan keluar. Lalu kesemua daripada mereka keluar secara beramai-ramai dan berhimpun di masjid.

Nabi Muhammad SAW berdiri di atas pintu Kaabah, kemudian bertanya mereka:

يَا مَعْشَرَ قُرَيْشٍ، مَا تَرَوْنَ أُنِّي فَاعِلٌ فِيكُمْ؟

"Wahai kaum Quraisy, adakah kalian mengetahui perkara yang aku hendak lakukan ini?"



Pesan-Pesan SABAR

شرح حديث رياض الصالحين

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

SINOPSIS

Buku ini merupakan himpunan huraian dan syarahan hadis oleh Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang yang bersumberkan 'Bab Sabar' daripada kitab '*Riyad al-Salihin*' dalam Kuliah Dhuha di Masjid Rusila, Marang. Kitab hadis tersebut telah disusun oleh al-Imam Yahya bin Sharaf al-Nawawi, salah seorang ulama agung Mazhab al-Shafi'i yang sangat diakui kewibawaannya.

Pesan-pesan Rasulullah SAW tentang kesabaran yang dinukilkan dalam karya ini sangat berguna bagi dimanfaatkan oleh semua lapisan yang mencari-cari sumber kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi cabaran kehidupan yang sangat mencabar hari ini. Mudah-mudahan, sifat sabar yang dihayati itu berhasil melahirkan Mukmin yang mempunyai sifat reda, seterusnya menjemput rahmat Allah SWT sebagai bekalan untuk bertemu dengan-Nya kelak.

SEM. MALAYSIA: RM 35
SABAH SARAWAK: RM 37

ISBN 978-967-18366-7-5



9 789671 836675

